

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLAS HEALTHCARE SOLUTION (INPATIENT) TAKAFUL”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).	TAKAFUL IKHLAS BERHAD
	(Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
	IKHLAS Healthcare Solutions (Inpatient)
	Tarikh: dd/mm/yyyy

1. Produk apakah ini?

Ini adalah Sijil Takaful Hospital & Pembedahan Berkelompok yang komprehensif di mana melindungi kos rawatan perubatan yang ditanggung oleh pekerja atau ahli-ahli di dalam syarikat atau organisasi anda bagi rawatan yang diterima di hospital akibat kemalangan atau penyakit.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** – bermaksud agensi. Di dalam konteks ini, ia merujuk kepada kontrak di antara Syarikat dan Peserta di mana Peserta Takaful melantik Syarikat untuk menguruskan dana bagi pihak Peserta Takaful, yang membenarkan Syarikat untuk mengenakan yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Sijil Takaful ini menyediakan manfaat seperti berikut:

- Penjagaan Semasa di Hospital
 - Bilik Hospital & Makanan
 - Bilik Biasa
 - Unit Rawatan Rapi
 - Perbelanjaan Tempat Tinggal
 - Bekalan dan Khidmat Hospital (Perkhidmatan Lain – lain)
 - Yuran Pembedahan
 - Yuran Pakar Bius
 - Caj Bilik Pembedahan
 - Lawatan Doktor semasa di Hospital
 - Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia
 - Had Maksimum Keseluruhan bagi Kemasukan ke Hospital Kerajaan Malaysia
 - Cukai Perkhidmatan Hospital
- Penjagaan Ambulatori
 - Perkhidmatan Sebelum Pembedahan / Diagnostik Perubatan
 - Rundingan Sebelum Pembedahan / Pakar Perubatan
 - Pendapat Kedua Mengenai Pembedahan
 - Rawatan Selepas Penghospitalan & Prosedur Jagaan Harian Susulan
 - Rawatan Kecemasan Kemalangan Bagi Pesakit Luar
 - Rawatan Kecemasan Kemalangan Pergigian
 - Prosedur Jagaan Harian
 - Yuran Ambulans
 - Rawatan Kecemasan Pesakit Luar
 - Bayaran Balik Yuran Laporan Perubatan
- Riders yang boleh dilampirkan kepada Pelan Takaful ini:
 - Rawatan Perubatan Tradisional bagi Kemalangan
 - Penjagaan Jururawat Persendirian
 - Penjagaan Jangka Panjang
 - Dialisis Buah Pinggang
 - Kemoterapi atau Terapi Sinaran
 - Pemulihan Terapi Pesakit Luar
 - Pemindahan Organ
 - Perbelanjaan Kematian Serta-merta

dan sebarang rider Takaful Perubatan untuk Takaful Keluarga yang boleh dilampirkan kepada Pelan Takaful ini. Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun dan tertakluk kepada semakan semula secara tahunan.

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “**IKHLAS HEALTHCARE SOLUTION (INPATIENT) TAKAFUL**”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).

TAKAFUL IKHLAS BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS Healthcare Solutions (Inpatient)

Tarikh: dd/mm/yyyy

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Jadual Manfaat yang terdapat di dalam Sijil Takaful untuk butiran lengkap.

4. Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu anda bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada manfaat yang dipilih, saiz kumpulan pekerja atau ahli di syarikat/ organisasi anda, profil pekerja atau ahli syarikat/ organisasi anda seperti umur dan jantina, tahap kesihatan pekerja atau ahli syarikat/ organisasi anda, dan tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan yang telah ditetapkan oleh Pengendali Takaful.

Pembaharuan Sijil Takaful adalah dijamin manakala kadar Sumbangan Takaful untuk pembaharuan adalah tidak dijamin oleh Pengendali Takaful.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

- Yuran Wakalah

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah	
• Komisyen	10% daripada Sumbangan Takaful
• Perbelanjaan	12.5% daripada Sumbangan Takaful
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan (jika ada)	6% daripada Sumbangan Takaful

* Komisyen adalah sebahagian daripada yuran Wakalah.

Nota : Caj-caj yang dikenakan Takaful IKHLAS tidak termasuk cukai yang mungkin dikenakan di masa hadapan (termasuk cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)). Dengan pelaksanaan CBP, Takaful IKHLAS berhak untuk mengutip semula sebarang cukai yang dikehendaki oleh undang-undang daripada Peserta Takaful.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

- Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh 15 hari dari tarikh Sijil Takaful diterima. Sumbangan Takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan –sekiranya ada) akan dikembalikan. Syarikat akan membatalkan Sijil Takaful dengan serta-merta setelah penerimaannya dan ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- Tempoh Menunggu - 30 hari tempoh menunggu kecuali untuk kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan.
- Jumlah terkumpul di dalam PIA/ PRIA – Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam PIA dan PRIA boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam PIA dan PRIA (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- Keuntungan pelaburan daripada PIA/ PRIA , jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta Takaful (melalui PIA dan PRIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 30% daripada keuntungan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh menolak Yuran Prestasi Pelaburan kurang daripada 30%.
- Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
- Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan Takaful yang telah dibuat.
- Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “**IKHLAS HEALTHCARE SOLUTION (INPATIENT) TAKAFUL**”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).

TAKAFUL IKHLAS BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS Healthcare Solutions (Inpatient)

Tarikh: dd/mm/yyyy

- i) Notis tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfaikan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

7. Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Tiada manfaat yang akan dibayar bagi sebarang perkhidmatan, produk, keadaan atau kecederaan akibat daripada:-

- 7.1 Pembedahan atau rawatan kosmetik rawatan termasuk (tetapi tidak terhad kepada) sebagai contoh, kelopak mata berganda, akne, keloid, parut, tag kulit keguguran rambut / kehilangan rambut dan sebagainya, atau rawatan akibat komplikasinya kecuali yang diperlukan secara perubatan oleh kecederaan akibat kemalangan dalam tempoh enam bulan dari rawatan awalan. Bagi tujuan pengecualian ini “rawatan awalan” bermaksud rawatan pertama diterima dalam merawat kecederaan akibat kemalangan.
- 7.2 Penjagaan atau rawatan percubaan, tinjauan dan tidak mengikut piawaian profesional yang diterima dan/ atau tidak diperlukan secara perubatan. Pengecualian ini termasuk (tetapi tidak dihadkan kepada) rawatan seperti:
- rawatan stem induk, latihan yang berkaitan dan sebarang komplikasi yang timbul selepasnya,
 - jaminan darah,
 - rawatan untuk gangguan menopause, kecuali menopause yang dicetuskan oleh pembedahan.
- 7.3 Rawatan yang timbul daripada kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau feloni, atau di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau bahan pengkhayal minda atau sengaja mencederakan diri sendiri samada ketika siuman atau tidak siuman.
- 7.4 Perkhidmatan penjagaan jururawat persendirian atau yang diambil bekerja sendiri oleh Orang Yang Dilindungi atau perkhidmatan untuk rehat penyembuhan yang disediakan semata-mata oleh rumah rehat/ pusat penjagaan untuk tujuan pemulihan. Sebaliknya, Orang Yang Dilindungi harus mempunyai perlindungan penjagaan jururawat persendirian tertakluk kepada had – had yang ditetapkan.
- 7.5 Ubat-ubatan dan alat pencegah kehamilan, prosedur-prosedur pemandulan atau rawatan untuk komplikasi berkaitan, prosedur-prosedur pembalik dan pemulihan atau rawatan disfungsi seksual atau ketidaksuburan, pembedahan tukar jantina dan terapi hormon seks.
- 7.6 Penyiasatan dan rawatan berkaitan kehamilan termasuk bersalin, kehamilan ektopia dan tahi lalat Vesikular, Walaubagaimanapun pengecualian ini tidak tergunapakai bagi keguguran di bawah 28 minggu akibat daripada punca kemalangan di bawah perlindungan Hospital & Pembedahan Berkelompok (HS) seperti yang dinyatakan di klausa 2.1 Jadual Pertama, tetapi tertakluk kepada had-had bagi perlindungan tersebut.
- 7.7 Berkhatan kecuali diperlukan secara perubatan untuk merawat penyakit.
- 7.8 Keadaan yang berkaitan dengan penyakit berjangkit seksual, AIDS dan Kompleks Berkaitan AIDS atau sekuelanya, dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang Malaysia.
- 7.9 Terapi alternatif seperti (tetapi tidak terhad kepada) Akupunktur, Kiropraktik, Osteopati, Refleksologi, Pembetulan Tulang, Urut, Aromaterapi, Herba, Podiatrik, konsultasi Dietik dan rawatan, dan sebagainya. Sebaliknya, Orang Yang Dilindungi harus mempunyai perlindungan rawatan perubatan tradisional bagi kemalangan tertakluk kepada had – had yang ditetapkan.
- 7.10 Vitamin dan krim atau ubat sapu yang berkaitan, Makanan Suplemen, Perubatan Herba, agen Anti Obesiti/ Agen Pelangsingan, Pelincir Mata, produk pembersihan atau kosmetik dan sebarang pelengkap atau ubat-ubatan yang boleh dibeli di kaunter.
- 7.11 Gangguan psikotik, mental atau saraf dan keadaan tingkahlaku termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik, dan gangguan tidur.

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “**IKHLAS HEALTHCARE SOLUTION (INPATIENT) TAKAFUL**”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).

TAKAFUL IKHLAS BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS Healthcare Solutions (Inpatient)

Tarikh: dd/mm/yyyy

- 7.12 Sebarang rawatan atau penilaian bagi kongenital, penyakit keturunan atau penyakit perkembangan, kecacatan dan mana-mana hilang upaya atau komplikasi yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada sista dermoid, hernia kanak-kanak/ hidrosel (semua jenis hernia sehingga usia enam tahun adalah tidak dilindungi), kaki belantan, kecacatan septum ventrikel (VSD), kecacatan atrium septal (ASD), Thalasemia, Mata Juling, Haemangioma dan lain-lain lagi.
- 7.13 Penyakit atau ketidakupayaan bayi baru lahir yang dialami sebelum atau semasa kelahiran atau dalam tempoh 15 hari selepasnya.
- 7.14 Pemeriksaan fizikal rutin, pemeriksaan kesihatan, rawatan pencegahan, vaksinasi dan ujian diagnostic yang bukan sampingan kepada rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi.
- 7.15 Terapi Pertuturan dan Pekerjaan yang bukan sebahagian daripada program rehabilitasi lanjutan daripada kemasukan ke hospital akibat trauma, kecuali sekiranya ianya susulan kepada hilang upaya pesakit dalaman dan tertakluk kepada hadnya.
- 7.16 Mana-mana rawatan pembetulan termasuk cermin mata atau lensa tekap bagi salah bias termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut seperti Ortoptik, Stimulasi Visual, Radial Keratotomi, Lasik, Intralase, Zyoptics, implan PhakicIOL atau pembedahan penggantian lensa intraocular.
- 7.17 Mana-mana rawatan pergigian atau pembedahan kecuali bila diperlukan yang disebabkan oleh kecederaan yang dialami di dalam kemalangan di bawah perlindungan Pelan Kesihatan Berkelompok Asas, tertakluk kepada had-had.
- 7.18 Penggunaan atau pengambilalihan semua peralatan luaran (misalnya, anggota palsu, alat bantuan pendengaran, kebuk aero dan peralatan bagi penebualan, tekanan saluran udara positif berterusan (CPAP), dialisis peritoneum ambulatori berterusan (CAPD), alas ortopedik) dan kos sewa peralatan tersebut kecuali semasa berada di hospital di bawah perlindungan Pelan Kesihatan Berkelompok Asas tetapi tertakluk kepada had-had perlindungan.
- 7.19 Sebarang rawatan langsung atau tidak langsung yang timbul akibat pendedahan kepada radioaktif, bahan mudah meletup atau bahan-bahan api nuklear yang berbahaya atau hartabenda yang dicemari bahan api nuklear, atau kemalangan yang timbul darinya.
- 7.20 Peperangan, penyertaan langsung atau tidak langsung di dalam rusuhan, pemberontakan, pemberontakan militari, kegemparan awam, letupan senjata peperangan, revolusi, tindakan musuh asing atau pertempuran.
- 7.21 Perkhidmatan bukan perubatan yang disediakan oleh Hospital seperti televisyen, telefon, faks, radio, atau kemudahan seumpamanya. Caj bagi perkhidmatan ini hendaklah dibayar oleh Orang Yang Dilindungi sebelum keluar dari hospital atau pusat rawatan harian kecuali seperti jika dinyatakan sebaliknya.
- 7.22 Terapi fizikal pesakit luar atau fisioterapi yang tidak dilindungi. Kecuali jika Orang Yang Dilindungi memiliki perlindungan Manfaat Pemulihan Terapi Pesakit Luar, ianya adalah tertakluk kepada had-had manfaat masing-masing dan hanya akan dilindungi apabila dirujuk oleh Pakar dan rawatan haruslah diberi oleh ahli fisioterapi yang berdaftar.
- 7.23 Terapi rehabilitasi pesakit luar, kemoterapi, terapi radiasi, imunoterapi, terapi fotodinamik, dialisis buah pinggang dan lain-lain protokol rawatan terpilih (sebagai contoh terapi antivirus/ interferon bagi hepatitis/ sklerosis berbilang, suntikan Lucrin bagi endometriosis, suntikan intraartikular dan sebagainya), kecuali jika Orang Yang Dilindungi memiliki perlindungan Penjagaan Jangka Panjang, tertakluk kepada had-had manfaat masing-masing.
- 7.24 Perbelanjaan yang dikenakan bagi pendermaan sebarang organ badan oleh Orang Yang Dilindungi dan kos perolehan organ termasuk kos yang dikenakan oleh penderma semasa pemindahan Organ. Sebaliknya, Orang Yang Dilindungi harus mempunyai perlindungan pemindahan organ tertakluk kepada had – had yang ditetapkan.
- 7.25 Penyakit atau kecederaan yang dialami semasa perjalanan melalui udara kecuali sebagai penumpang bayar tambang sistem penerbangan yang diiktiraf yang beroperasi di laluan udara berjadual dan perjalanan udara oleh pesawat sewa khas yang dilesenkan sebagai pengangkut udara diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan diselenggarakan.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

<p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLAS HEALTHCARE SOLUTION (INPATIENT) TAKAFUL”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS BERHAD (Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia) IKHLAS Healthcare Solutions (Inpatient) Tarikh: dd/mm/yyyy</p>
<p>8. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?</p> <p>Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengemukakan notis bertulis kepada Pengendali Takaful. Selepas pembatalan, anda akan menerima Manfaat Serahan yang bersamaan dengan Sumbangan Takaful Tidak Terperoleh.</p>	
<p>9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?</p> <p>Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.</p>	
<p>10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</p> <p>Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga dan/atau Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku insurance info mengenai 'Takaful Keluarga', dan/atau 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:</p> <p>Takaful Ikhlas Berhad Jabatan CRM IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5 Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur Tel: +603 2723 9999 Fax: +603 2723 9998 E-mel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my</p>	
<p>11. Produk seumpama yang boleh didapati?</p> <p>IKHLAS Healthcare Solutions (Outpatient)</p>	
<p>NOTA PENTING:</p> <p>PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.</p>	

Maklumat yang disediakan dalam keterangan maklumat ini adalah sah pada : dd/mm/yyyy